

KERTAS KERJA

STRATEGI PENCEGAHAN JENAYAH

UNTUK

SEMINAR JENAYAH DI MALAYSIA
ANJURAN JABATAN ANTROPOLOGI & SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA

DI RUMAH UNIVERSITI, UNIVERSITI MALAYA

20HB. OGOS 1988

CAMANGAN PENCEGAHAN JENAYAH (D10)
JABATAN SIASATAN JENAYAH
POLIS DI RAJA MALAYSIA
BUKIT AMAN

KANDUNGAN

<u>BIL.</u>	<u>Perkara</u>	<u>Halaman</u>
1.	Pendahuluan	1
2.	Tujuan	2
3.	Konsep Pencegahan Jenayah	2
4.	Keadaan Jenayah Semasa	3 - 4
5.	Faktor-Faktor Peningkatan Jenayah	5
6.	Strategi Pencegahan Jenayah	5 - 6
7.	Mewujudkan Sebuah Sistem Identifikasi Pencegahan Jenayah Yang Efektif Di Semua Peringkat.	7 - 9
8.	Nemperketatkan keselamatan sosaran-sosaran penjenayah yang lemah dan mengurangkan peluang berlakunya jenayah	10 - 13
9.	Meningkat kesedaran sivik di kalangan masyarakat agar seseorang itu tidak mudah mencebur dalam kegiatan jenayah	14 - 17
10.	Henghapuskan atau mengurangkan peluang dan motivasi dari berlakunya jenayah	18 - 22
11.	Berhubung rapat dan bekerjasama dengan agensi kerajaan yang lain	23 - 24
12.	Mendapatkan kerjasama dan penglibatan syarikat swasta	25 - 26
13.	Melibatkan sama pertubuhan-pertubuhan sukarela, persatuan, kelab dan orang perseorangan dalam pencegahan jenayah.	27 - 28
14.	Kekesanan	28 - 29
15.	Penutup	29

* * * * *

PENDAHULUAN

Mencegah jenayah adalah salah satu fungsi Polis Di Raja Malaysia mengikut sek. 3(3) Akta Polis No.41/67.

Malah banyak lagi peruntukan di dalam lain undang-undang yang memberi kuasa kepada polis dalam hal-hal yang berhubungan dengan pencegahan jenayah. Sungguh pun demikian, tanggungjawab pencegahan jenayah tidak hanya semata-mata di bebanan kepada P.D.R.M sahaja tetapi hendaklah juga merupakan tanggungjawab di semua peringkat di dalam masyarakat. Antara faktor yang menyebabkan perangkaan kes-kes jenayah terus berlaku dan meningkat dan kurangnya % kes-kes penyiasatan jenayah yang dapat di selesaikan adalah di sebabkan oleh sikap setiap peringkat masyarakat dan sikap anggota-anggota polis sendiri yang kurang bekerjasama di antara satu sama lain. Kebanyakan masyarakat, umumnya kurang diberikan kesedaran dan kefahaman yang mendalam tentang peranan mereka di dalam pencegahan jenayah. Begitu juga dengan sikap kebanyakan anggota polis yang kurang memahami pentingnya perhubungan polis dengan masyarakat dan peranan mereka dalam pencegahan jenayah.

TUJUAN

2. Tujuan kertas kerja ini disediakan ialah untuk menerangkan strategi pencegahan jenayah P.D.R.M.. Sebelum membincangkan strategi-strategi tersebut penulis akan terlebih dahulu menerangkan secara lengkap konsep pencegahan jenayah, perangkaan jenayah dan sebab-sebab berlaku peningkatan jenayah.

KONSEP PENCEGAHAN JENAYAH

3. Pencegahan jenayah secara umumnya memberi maksud iaitu teknik untuk mengelakan dari berlakunya jenayah atau potensi-potensi yang boleh membawa kepada berlakunya jenayah. Jenayah boleh dicegah dengan melalui berbagai-bagai cara/teknik, antaranya melalui sikap berwaspada dan berjaga-jaga oleh individu/masyarakat, memperbaiki kehidupan sosial di samping tugas-tugas yang dijalankan oleh anggota-anggota polis. Secara amnya strategi pencegahan jenayah yang diamalkan oleh P.D.R.M sebelum ini adalah merupakan program jangka pendek. Taktik yang digunakan adalah secara fizikal seperti bit/patrol, operasi, sekatan jalanraya dan setaipinjang. Taktik ini sudah pasti memerlukan keanggotaan yang ramai di dalam P.D.R.M untuk mengawasi/mengawal setiap penjuru dan tempat di dalam negara. Program ini juga tidak mungkin dapat di lakukan secara berterusan di seluruh negara, tetapi sebaliknya kita lupa menumpukan sepenuh perhatian kepada tanggungjawab bersama oleh masyarakat termasuk agensi-agensi kerajaan dan swasta dalam pencegahan jenayah. Dengan kata lain tidak ada program yang berseradu yang melibatkan semua pihak dalam pencegahan jenayah.

KEADAAN JENAYAH SEMASA

4. Perangkaan jenayah bagi antara tahun 1980 hingga 1986 adalah seperti di Lampiran 'A'. Dari pada perangkaan tersebut jelas menunjukkan bahawa kadar jenayah ini ialah meningkat daripada 70,828 kes pada tahun 1980 kepada 95,159 kes pada tahun 1987 iaitu peningkatan sebanyak 24,336 kes atau 34.3%. Apa yang hendak difokaskan di sini ialah mengenai kes-kes jenayah yang boleh dicegah. Berikut ialah jenayah-jenayah yang dimaksudkan serta perubahan peratusan untuk tahun 1986 berbanding dengan tahun 1980:-

	<u>1980</u>	<u>1986</u>	<u>Peratus</u>
4.1 Samun bersenjata api	489	1077	120%
4.2 Samun tanpa bersenjata api	4248	7987	88.1%
4.3 Rogol	368	688	87%
4.4 Pecah rumah & Curi (Siang & Malam)	19668	25544	29.9%
4.5 Curi kenderaan bermotor	8282	20427	146.6%
4.6 Kecurian-kecurian lain	28133	32511	15.6%

Di dapati daripada 95,159 kes jenayah yang dilaporkan pada tahun 1986 sebanyak 82314 kes atau 86.5% adalah kes yang melibatkan jenayah harta benda.

Kes-kes jenayah yang melibatkan harta benda seperti yang disebutkan di atas adalah merupakan kes yang boleh dicegah atau dielakkan daripada berlaku sekiranya usaha atau langkah-langkah pencegahan diambil.

Justru itu maka strategi pencegahan jenayah yang digariskan di bawah ini merupakan tindakan-tindakan ke arah mempertatkan keselamatan harta benda dari sasaran penjenayah di samping mengambil tindakan menghalang seseorang itu dari menjadi penjenayah.

FAKTOR-FAKTOR PENINGKATAN JENAYAH

5. Sebagai usaha untuk merancang strategi pencegahan jenayah yang lebih berkesan, faktor-faktor yang mengakibatkan sesuatu jenayah itu berlaku perlulah diambil kira. Secara umum, faktor-faktor yang boleh mengakibatkan sesuatu jenayah ialah seperti berikut:-

- 5.1 Kelemahan akhlak akibat terbit dari kurang pendidikan
- 5.2 Kelalaian kita dalam aspek pencegahan
- 5.3 Kemiskinan
- 5.4 Pengangguran
- 5.5 Kemelesetan ekonomi
- 5.6 Penghijrahan dari desa ke bandar
- 5.7 Pendatang tanpa izin
- 5.8 Penagihan najis dadah
- 5.9 Gejala-gejala maksiat
- 5.10 Kegiatan kongsi gelap dan sebagainya.

STRATEGI PENCEGAHAN JENAYAH

6. Berdasarkan kepada faktor-faktor di atas, Polis Di Raja Malaysia telah merancang strategi pencegahan jenayah yang komprehensif bersepadau dan berterusan yang melibatkan keseluruhan pasukan polis, orang ramai, agensi kerajaan, badan-badan sukarela dan swasta.

Strategi-strategi tersebut ialah:-

6.1 Mewujudkan sebuah sistem pentadbiran

Pencegahan Jenayah yang efektif di semua peringkat.

6.2 Memperketatkan keselamatan sasaran-sasaran

penjenayah yang lemah dan mengurangkan peluang berlakunya jenayah.

6.3 Meningkatkan kesedaran sivik di kalangan

masyarakat agar seseorang itu tidak mudah mencebur ke dalam kegiatan jenayah.

6.4 Menghapuskan atau mengurangkan peluang dan

motivasi dari berlakunya jenayah dengan

cara mencegah penjenayah itu sendiri dari melakukn kegiatan jenayah.

6.5 Berhubung rapat dan bekerjasama dengan agensi

kerajaan yang lain.

6.6 Mendapatkan kerjasama dan penglibatan syarikat,-

syarikat swasta dalam pencegahan jenayah.

6.7 Melibatkan sank pertubuhan-pertubuhan sukarela,

persatuan-persatuan,kelab-kelab dan orang-orang perseorangan dalam pencegahan jenayah.

**MEWUJUDKAN SEBUAH SISTEM PENTADBIRAN
PENCEGAHAN JENAYAH YANG EFEKTIF DI-
SEMUA PERINGKAT**

7. Tiak dinasikan bahawa cawangan pencegahan jenayah telah lama diwujudkan di semua peringkat dalam P.D.R.M.. Sungguh pun demikian program pencegahan jenayah tiak diberikan keutamaan.

Menyedari hakikat ini maka strategi utama P.D.R.M. untuk merancang pencegahan jenayah yang berkesan ialah mewujudkan satu sistem pentadbiran pencegahan jenayah yang efektif di semua peringkat. Sistem pentadbiran pencegahan jenayah yang di maksudkan ialah :-

7.1 Mewujudkan sebuah cawangan pencegahan

jenayah di Bukit Amun bertaraf Penolong

Pengarah.

7.2 Melantik Timbalan-Timbalan Ketua Polis

tiap-tiap kontinjen dan Timbalan Pesuruhjaya

Polis Sabah/Sarawak sebagai Ketua Pencegahan

Jenayah bagi komponen/kontinjen.

7.3 Mewujudkan jawatankuasa perancangan pencegahan

jenayah di peringkat komponen/kontinjen,

daerah dan balai.

7.4 Mewujudkan Unit Risikan Jenayah.

7.5 Mewujudkan Cawangan Penyelidikan dan Perancang.

7.6 Menubuhkan Majlis Jenayah Kebangsaan.

8. Jabatan Siasatan Jenayah telah di beri tanggungjawab untuk mengendalikan tugas-tugas ini. Ia dimulakan dengan pembentukan Cawangan Pencegahan Jenayah (DLO) Bukit Aman di ikuti dengan perlantikan T/KP dan penubuhan Jawatankuasa Pencegahan Jenayah di peringkat kontinjen, daerah dan balai.

Dengan adanya cawangan-cawangan ini pentadbiran pencegahan jenayah dapat diselaraskan di seluruh negara dengan terator. Program-program pencegahan jenayah yang dirancang di Ibu Pejabat dapat disalurkan ke komponen/kontinjen untuk perlaksanaan sementara tindakan-tindakan oleh komponen/kontinjen pula dapat diselaraskan dengan kontinjen-kontinjen lain. Dengan pentadbiran yang terator ini memudahkan pihak Ibu Pejabat membuat perhatian, kajian, semakan dan penilaian terhadap langkah-langkah pencegahan jenayah oleh komponen/kontinjen dan seterusnya memberikan arahan-arahan dan panduan serta latihan yang diperlukan untuk memperbaiki mutu perkhemmatan dan prestasi anggota dan pegawai khususnya mengenai pencegahan jenayah.

9. Di waktu yang sama Unit Risikan Jenayah (U.R.J.) dan Cawangan Penyelidikan Perancang yang sebelum ini telah pun wujud telah diberi tugas baru sebagai pusat atau sumber maklumat untuk cawangan pencegahan jenayah menjalankan aktivitinya dengan berkesan.
10. Majlis Jenayah sepanjang saan adalah sebuah majlis yang dicadangkan untuk merancang tugas-tugas jenayah di peringkat Kebangsaan. Majlis ini adalah sebuah badan yang jawatankuasa akan dianggotai oleh pegawai-pegawai kerajaan, orang awam dan polis. Walau bagaimana pun rancangan penubuhan majlis ini masih di peringkat awal.

MEMPERKETATKAN KESELAMATAN SASARAN-SASARAN PENJENAYAH
YANG LEMAH DAN MENGURANGKAN IELUANG BERLAKUNYA JENAYAH

11. Strategi ini bermaksud mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk memastikan diri atau harta benda selamat dari menjadi sasaran penjenayah. Sebelum mengambil langkah-langkah ini maka perlulah kita membuat kajian atau tinjauan ke atas keadaan diri atau harta benda bertujuan untuk mengetahui apakah perkara-perkara yang boleh menjadi sasaran penjenayah dan setakat mana langkah-langkah kawalan telah diambil. Sebagai contoh apabila kita membeli sebuah kereta atau motosikal baru. Langkah pertama yang seharusnya kita ambil ialah mengensi langkah-langkah keselamatan kenderaan tersebut dari menjadi sasaran penjenayah. Untuk itu kita harus mengetahui apakah cara mengensi yang berkesan iaitu dengan mendapat peringatan dari pengedar kenderaan tersebut, dari rakan-rakan kita atau daripada pihak polis. Sama juga halnya sewaktu kita ditugaskan untuk mengambil wang gaji untuk pekerja-pekerja di sebuah bank. Kita haruslah memikirkan wang yang kita bawa itu selamat. Apakah ada pengiring yang cukup dan bersenjata serta kenderaan yang baik atau mengambil keputusan untuk membayar gaji pekerja-pekerja melalui bank atau menggunakan cek. Jadi semua perkara yang disebut di atas adalah merupakan tinjauan atau kajian ke atas harta yang mungkin menjadi sasaran penjenayah.

Dengan kajian seumpama ini kita dapat mengambil langkah-langkah keselamatan yang teratur dan lebih terjamin keselamatannya.

12. Untuk menjayakan strategi ini kempen mengenainya telah di laksanakan untuk memberi penerangan kepada orang ramai mengenai pentingnya mengambil langkah keselamatan terhadap diri dan harta benda. Kempen ini di laksanakan melalui pameran, pengedaran risalah, akhbar, radio dan televisyen dan juga melalui ceramah kepada orang ramai di sekolah-sekolah dan jabatan-jabatan kerajaan dan dialog kepada persatuan-persatuan pembekal kereta/motosikal dan persatuan peniaga-peniaga emas dan lain-lain.

13. Antara aspek-aspek yang ditekankan dalam kempen ini ialah mengalakan orang ramai menggunakan alat-alat mencegah kecurian seperti kunci, alat pengera, CCTV, peti besi dan sebagainya. Sementara dalam aspek keselamatan diri pula di terangkan langkah-langkah yang dapat mengelakan diri dari menjadi mangsa samun, sexual, culek dan lain-lain. Kempen menanda harta benda juga adalah antara langkah yang boleh diambil untuk mengelak dari berlakunya kecurian. Harta boleh ditanda dengan menggunakan alat pengukir atau dakwat yang sukar dipadam.

Kemudian membuat satu senarai barang tersebut untuk disimpan . . . bagi kenderaan pula adalah baik diukir nombor pendaftarannya pada bahagian-bahagian cermin dengan menggunakan kaedah 'sand blasting'.

Tetapi bagi motosikal adalah sesuai dengan menggunakan alat pengukir di bahagian-bahagian penting seperti rim, handle dan sebagainya.

14. Seperti yang telah disebut di atas, risalah mengenai langkah-langkah pencegahan jenayah telah disebarluaskan kepada orang ramai. Risalah-risalah tersebut adalah berbagai jenis seperti di Lampiran B1 - B6.

15. Selain dari itu usaha-usaha untuk membentera jenayah juga dilakukan dengan mengadakan rondaan di kawasan strategik oleh polis sekatan jalanraya dan pemeriksaan di tempat-tempat tumpuan penjenayah seperti di pusat-pusat hiburan, rumah-rumah urut dan sebagainya. Tidak ketinggalan juga kedai menjual barang-barang lusuh, bengkel-bengkel kenderaan dan kedai-kedai pajak gadai yang menjadi tumpuan penjenayah melupuskan barang-barang yang mereka curi.

16. Dengan adanya berbagai aktiviti yang disebutkan orang ramai dapat memahami dengan jelas apakah langkah-langkah yang mereka harus lakukan untuk memperketatkan keselamatan diri dan harta benda mereka daripada menjadi sasaran penjenayah. Dengan adanya tindakan-tindakan ini peluang penjenayah untuk melakukan jenayah adalah tersekat.

MENINGKATKAN KSESEDARAHAN SIVIK DI KALANGAN MASYARAKAT
AGAR SEORANG ITU TIDAK MULAH MENCEBURI DALAM KEGIATAN
JENAYAH

17. Strategi ini bermaksud mengambil langkah yang positif untuk menentukan orang ramai tidak menceburi dalam kegiatan jenayah. Sasaran utama strategi ini ialah golongan kanak-kanak dan belia. Walau pun begitu golongan dewasa juga tidak dikenalikan

18. Golongan belia, dan kanak-kanak menjadi tumpuan utama kerana mereka adalah golongan yang mudah di pengaruhi oleh aktiviti yang tidak sihat seperti menyalahgunaan dadah, mencuri dan sebagainya samada melalui rakan, alam persekitaran dan TV. Golongan ini juga mempunyai banyak waktu lapang dan sekiranya tidak ada pihak yang membimbingnya kemungkinan besar mereka akan terpengaruh dengan kegiatan-kegiatan jenayah. Oleh itu mereka perlulah dibimbing dan aktiviti mereka sentiasa diawasi. Dalam konteks ini peranan semua pihak adalah penting. Ia termasuk Ibu bapa, guru-guru, masyarakat dan polis. Sebagai usaha ke arah strategi ini pihak polis telah mengadakan lawatan dari masa ke semasa ke sekolah-sekolah dan mengadakan khidmat nasihat, ceramah dan dialog yang diatori bersama oleh pihak sekolah.

Sementara di peringkat sekolah mencegah pula aktiviti kadet polis ditubuhkan. Selain dari menerima latihan kawad, menembak dan lain-lain berhubungan dengan perkhidmatan polis dengan secara langsung mereka ditanamkan semangat kesedaran dan tanggungjawab melalui ceramah berhubung dengan pencegahan jenayah.

19. Dalam usaha yang lain pula kempen-kempen adalah di jalankan supaya lebih ramai di kalangan orang ramai dari semua kaum menyertai perkhidmatan polis sukarela (PVR). Perkhidmatan PVR adalah diperlukan untuk membantu polis dalam tugas-tugas membenteras jenayah. Dengan penglibatan mereka dalam tugas ini dengan sendirinya dapat menanamkan semangat kesedaran dan tanggungjawab anggota tersebut mengenai pencegahan jenayah.

20. Iain-lain usaha untuk meningkatkan kesedaran sivik ialah mengalakan orang ramai menyertai Skim Kejiranans Rukun Tetangga dan Rela. Mereka juga digalakan untuk menujuhkan Kumpulan Kepolisian Masyarakat atau 'Community Policing'. 'Community Policing' adalah satu cara yang tidak formal dilakukan di kalangan masyarakat secara sukarela dan penuh semangat bertujuan untuk membuat pemerhatian dan pengawasan terhadap apa yang berlaku di persekitaran tempat tinggal mereka membantu satu sama lain dan melaporkan perkara-perkara yang menimbulkan syak wasangka kepada pihak polis.

Dengan perkataan lain masyarakat bertindak sebagai 'Mata dan Telinga' pihak polis dalam pemerhatian dalam semua perkara yang menjadi punca jenayah untuk memberi perlindungan terhadap rumah dan harta benda jiran-jiran. Dengan cara ini akan dapat mengurangkan peluang penjenayah untuk melakukan jenayah. Perlu juga di ingatkan bahawa konsep 'Community Policing' bukan bermakna masyarakat di kehendaki mengambil alih tugas peranan dan tugas sehari-hari polis.

21. Sebagai satu program yang khusus 'Community policing' ini akan hanya dapat terlaksana dengan sokongan dan kepercayaan masyarakat. Pihak polis telah pun mengkaji aspek ini dan sedang berusaha untuk mengekalkan kewibawaan pasukan dan menekankan aspek perkhidmatan kepada masyarakat di dalam filiosophi kepolisian harian. Ini jelas dalam tema-tema Hari Polis 3 tahun kebelakangan dan peningkatan aktiviti bit, rondaan, konmas dan pengwujudan 'Crime Committees'. Apabila proses ini berjalan lancar adalah di jangka secara otomatis masyarakat akan mempunyai rangsangan yang lebih untuk melibatkan diri dengan pencegahan jenayah secara terus. Dengan lain perkataan-perkataan, apabila sistem ini berjalan lancar penglibatan masyarakat akan timbul secara otomatis seperti juga peningkatan kesedaran sivik masyarakat.

22. Buat masa ini pasukan masih lagi di peringkat permulaan mengetarkan konsep ini untuk disebatikan supaya dapat diterima oleh masyarakat. Tidak boleh di nafikan bahawa kepercayaan terhadap keutuhan pasukan serta imej pasukan yang tinggi akan memudahkan lagi pengsebatian peranan masyarakat dalam pencapaian matlamat kepolisian negara.
23. Melalui usaha-usaha di atas ini peluang bagi seseorang itu untuk menceburi diri dalam aktiviti jenayah adalah kurang. Mereka sentiasa diawasi dan diberi bimbingan samada oleh masyarakat, guru-guru, ibu bapa atau polis.

MENGHILUSKAN ATAU MENGURANGKAN FELUANG DAN MOTIVASI
DARI BERLAKUNYA JENAYAH DENGAN CARA MENCEGAH PENJENAYAH
ITU SENDIRI DARI MELAKUKAN KEGIATAN JENAYAH

24. Strategi ini termasud untuk mengambil tindakan mencegah atau menghalang penjenayah itu sendiri dari melakukan jenayah. Ini bermakna penjenayah-penjenayah atau bekas-bekas penjenayah adalah menjadi sasaran kepada aktiviti yang dijalankan. Antara langkah-langkah yang diambil untuk mencapai tujuan ini ialah membuat pengawasan ke atas bekas-bekas penjenayah yang telah dibebaskan daripada tahanan dan juga penjenayah-penjenayah yang masih lagi menjalani perintah pengawasan polis atau menjalani perintah sekatan di bawah undang-undang tertentu. Langkah-langkah ini termasuk mengambil tindakan undang-undang sekiranya mereka melanggar perintah yang telah ditetapkan itu.
25. Melaksanakan tangkapan ke atas orang-orang yang disyaki melakukan kesalahan jenayah adalah antara tindakan yang diambil untuk tujuan ini. Sekiranya cukup bukti orang yang disyaki ini akan dituduh di mahkamah atau pun dikenakan tindakan di bawah undang-undang pencegahan yang sesuai.

26. Undang-undang memainkan peranan penting ke arah pencegahan jenayah yang efektif. Kegiatan jenayah dapat dibendung dan tidak merebak walau pun kita sukar membuktikan kemuka pengadilan. Tindakan pencegahan dapat dilaksanakan dengan menghantar mereka-mereka yang aktif dalam kegiatan jenayah ke satu-satu tempat dengan tujuan untuk pemulihan. Undang-undang berkenaan ialah:-

26.1 Prevention Of Crime Act 1959 (Act.292/83)-

keberkesanannya ialah dapat mengawal penjenayah-penjenayah, ahli-ahli kongsi gelap dari bergiat dengan aktif;

26.2 Emergency (Public Order And Prevention Of

Crime) Ordinance 1959 - bagi mencegah seseorang dari berkelakuan ganas, bagi menghapus kekacaua dan mencegah jenayah yang melibatkan keganasan serta menentukan keselamatan awam terjamin;

26.3 Internal Security Act 1960 (Act 82/1972) -

bagi menjamin keselamatan dalam negara ini pencegahan seperti tahanan kepada mereka yang terlibat dengan kegiatan subversif bagi menghapuskan mereka yang terlibat di dalam jenayah yang 'organised' untuk keselamatan harta dan diri masyarakat

26. Undang-undang memainkan peranan penting ke arah pencegahan jenayah yang efektif. Kegiatan jenayah dapat dibendung dan tidak merebak walau pun kita sukar membuktikan kemuka pengadilan. Tindakan pencegahan dapat di laksanakan dengan menghantar mereka-mereka yang aktif dalam kegiatan jenayah ke satu-satu tempat dengan tujuan untuk pemulihan. Uncang-undang berkenaan ialah:-

26.1 Prevention Of Crime Act 1959 (Act.292/83)-

keberkesanannya ialah dapat mengawal penjenayah-penjenayah, ahli-ahli kongsi gelap dari bergiat dengan aktif;

26.2 Emergency (Public Order And Prevention Of Crime) Ordinance 1959 - bagi mencegah seseorang dari berkelakuan ganas, bagi menghapus kekacauan dan mencegah jenayah yang melibatkan keganasan serta menentukan keselamatan awam terjamin;

26.3 Internal Security Act 1960 (Act 82/1972) -

bagi menjamin keselamatan dalam negara ini pencegahan seperti tahanan kepada mereka yang terlibat dengan kegiatan subversif bagi menghapuskan mereka yang terlibat di dalam jenayah yang 'organised' untuk keselamatan harta dan diri masyarakat umum;

26.4 Restricted Resident Enactment

(F.M.S CAP 39) - tujuan ini ialah menghadkan seseorang aktif di dalam kegiatan jenayah ke satu tempat (kawasan) lain. Dengan ini aktivitinya dapat dibendung;

26.5 Dangerous Drugs (Special Preventive

Measures) Act 1985 (Act 316/1985)-

pencegahan dibuat bagi mereka-mereka yang aktif di dalam pengedaran dadah di mana sukar di buktikan di mahkamah penglibatan mereka ini dengan cara menahan mereka dan kegiatan ini dapat dicegah; dan

26.6 Drugs Dependents (Treatment And

Rehabilitation) Act 1983 (Act 283/1983) -

Penagih-penagih dadah ditahan untuk tujuan rawatan dan pemulihan.

27. Selain daripada tindakan-tindakan di atas langkah-langkah pemulihan akhlak ke atas penjenayah-penjenayah adalah juga di laksanakan.

Langkah ini di laksanakan oleh Jabatan Penjara dan Kebajikan Masyarakat. Dengan adanya pemulihan yang berkesan penjenayah ini akan sedar kembali dan tidak akan melakukannya lagi.

28. Seperkara yang perlu diambil perhatian dalam usaha mencegah penjenayah daripada melakukan jenayah semula ialah mengenai sikap masyarakat terhadap mereka. Dalam hubungan ini peranan masyarakat adalah penting agar bekas-bekas penjenayah ini atau bekas penagih dadah dapat diterima hidup seperti anggota masyarakat yang lain.

29. Antara cara yang sedang cadangan untuk mengatasi masalah ini ialah menubuhkan sebuah jawatankuasa di peringkat daerah yang dianggotai

oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Buruh, Jabatan Polis dan Pejjava. Jawatankuasa ini antara lain akan membincangkan masalah yang dihadapi oleh bekas-bekas banduan dan penagih dadah. Lengan cara ini masalah pekerjaan yang di hadapi oleh mereka dapat diatasi.

30. Dengan adanya tindakan pencegahan menggunakan undang-undang yang ada dan diikuti dengan tindakan pemuliharaan serta penerimaan masyarakat terhadap bekas-bekas penjenayah ini adalah besar kemungkinan penjenayah-penjenayah ini tidak akan melakukan jenayah semula.

BERHUBUNG RAPAT DAN BEKERJASAMA DENGAN
AGENSI KERAJAAN YANG LAIN

31. Strategi ini adalah penting kerana agensi-agensi kerajaan yang lain juga boleh turut serta memainkan peranan untuk mencegah jenayah. Antara tujuan strategi ini ialah menentukan agensi-agensi kerajaan yang lain mengedari program pencegahan jenayah dan di waktu yang sama mendapatkan kerjasama jabatan-jabatan yang berkenaan melaksanakan program pencegahan mengikut biang kuasa masing-masing.

32. Antara agensi-agensi kerajaan yang di maksudkan ialah Jabatan Pendidikan, Jabatan Penerangan, Jabatan Kehakiman, Jabatan Penjara, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Buruh, Kementerian Kebudayaan Belia & Sukan dan lain-lain lagi. Jabatan Pendidikan um pamanya adalah bertanggungjawab untuk mengatur pembelajaran pelajar-pelajar di sekolah dan di pusat-pusat pengajian tinggi melalui pembelajaran yang teratur dan mewajibkan subjek tertentu seperti agama, pengetahuan am dan mengalakan aktiviti luar sekolah dapat membentuk seorang pelajar yang berdisiplin. Di waktu yang sama pegawai-pegawai dari jabatan polis akan memberi ceramah mengenai pencegahan jenayah, penyalahgunaan dadah dan sebagainya.

33. Aktiviti kadet polis, pengakap dan lain-lain adalah antara aktiviti luar sekolah yang dapat melatih disiplin seseorang pelajar memahami peraturan dan undang-undang.

34. Kementerian penerangan mempunyai peranan yang penting dalam aspek menyampaikan maklumat dan berita kepada orang ramai iaitu dengan menggunakan radio/TV. Dengan adanya kemudahan ini langkah-langkah pencegahan jenayah dapat disebarluaskan kepada umum dengan berkesan.

Kebajikan Masyarakat

35. Jabatan Kehakiman, Penjara dan Polis mempunyai hubungan yang erat dan konteks sistem keadilan jenayah. Walau pun jabatan - jabatan ini mempunyai peranan yang berasingan tetapi dari segi objektif adalah satu iaitu untuk mencegah seseorang itu dari melakukan jenayah.

36. Demikianlah seterusnya dengan jabatan-jabatan Kerajaan yang lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Buruh dan lain-lain. Kesemua jabatan ini secara langsung atau tidak dapat memberi sumbangan kepada matlamat pencegahan jenayah yang berkesan. Justru itu adalah perlu hubungan antara agensi-agensi kerajaan ini dengan polis sentiasa erat dan sentiasa bekerjasama dalam usaha mencegah jenayah.

MENDAPATKAN KERJASAMA DAN PENGLIBATAN SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA

37. Kerjasama dan penglibatan syarikat-syarikat swasta adalah strategi yang tidak mungkin dapat diketepikan dalam usaha mencegah jenayah. Ini ialah kerana syarikat-syarikat swasta umumnya adalah terlibat semada secara langsung atau tidak dengan aktiviti pencegahan jenayah.

38. Syarikat-syarikat swasta yang terlibat secara langsung adalah syarikat-syarikat yang mengendalikan perniagaan berhubung dengan alat-alat keselamatan mencegah jenayah seperti kunci, peti besi, alat pengera, CCTV, lampu keselamatan, kawalan keselamatan, Insurans dan sebagainya. Mereka dikatakan terlibat secara langsung kerana kempen pencegahan jenayah ini secara langsung memberi faedah kepada mereka baik dari segi jualan alat-alat keselamatan atau khidmat kawalan. Justru itu mereka di dalam kategori ini telah mengambil peranan sedara langsung dalam kempen pencegahan jenayah seperti bersama-sama mengadakan pameran, menyediakan risalah, menyediakan alat-alat keselamatan yang efektif, menyediakan khidmat kawalan yang mencukupi dan sebagainya.

39. Sementara sektor swasta yang tidak melibatkan diri secara langsung dalam aktiviti pencegahan jenayah seperti syarikat kewangan, syarikat perniagaan emas dan lain-lain.

akan membantu menyediakan risalah, poster dan sebagainya. Seperti yang telah di laksanakan buat masa ini beberapa risalah mengenai pencegahan jenayah telah disediakan dengan kerjasama sektor swasta. Risalah di Lampiran Bl hingga B6 berkaitan.

40. Kerjasama sektor swasta juga diperolehi dalam aspek kempen pencegahan jenayah melalui akhbar dan TV. Sistem Televisyen Malaysia Bhd. atau TV 3 umpamanya telah membantu menyediakan siri Jejak Jenayah iaitu program pencegahan jenayah yang ke udara melalui Rancangan Sekapur Sireh. Tidak ketinggalan juga akhbar-akhbar tempatan seperti NST, MM dan lain-lain turut membantu menyiaran aktiviti-aktiviti, program dan rencana mengenai pencegahan jenayah.

41. Berdasarkan kepada peranan dan sumbangan yang dapat diberikan oleh sektor swasta seperti yang telah dijelaskan di atas maka tidak dapat dinafikan bahawa strategi ini perlu mendapatkan kerjasama dan penglibatan sektor swasta dalam pencegahan jenayah.

MELIBATKAN SAMA PERTUBUHAN-PERTUBUHAN SUKARELA
PERSATUAN KELAB DAN ORANG-ORANG PERSEORANGAN
DALAM PENCEGAHAN JENAYAH.

42. Persatuan, pertubuhan sukarela dan kelab-kelab dan orang-orang perseorangan dalam pencegahan jenayah adalah penting. Antara tindakan-tindakan yang boleh dilakukan ialah memberi penerangan kepada ahli-ahli mereka langkah-langkah pencegahan jenayah yang harus mereka lakukan. Umpama bagi ahli-ahli persatuan perniagaan emas melalui persatuannya boleh memperolehi maklumat atau garis panduan serta langkah-langkah yang berkesan untuk mencegah berlaku jenayah rompakan di tempat-tempat perniagaan. Seperti dengan mengadakan pengawal, mengalakan alarm dan sebagainya. Dengan adanya persatuan seumpama ini pihak polis dapat menghubungi atau berbincang mengenai pencegahan lebih mudah.

43. Di waktu yang sama, melalui persatuan ini mereka dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada aktiviti pencegahan jenayah seperti membantu menyediakan risalah untuk disebarluaskan kepada orang ramai mengenai langkah-langkah pencegahan seperti mencegah kejadian pecah rumah, samun dan sebagainya. Tindakan seperti di atas boleh dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela, persatuan-persatuan dan kelab-kelab yang lain seperti persatuan pemandu teksi, persatuan belia kelab-kelab sukan dan sebagainya.

Bagi orang perseorangan pula adalah berbeza sedikit. Umumnya mereka yang benar-benar berminat sahaja akan tampil ke hadapan untuk memberikan sokongan atau menyumbangkan tenaga dan fikiran dalam pencegahan jenayah.

44. Sumbangan yang mereka boleh berikan adalah bergantung kepada keupayaan dan profesion mereka melalui penulisan, ceramah dan dialog. Sumbangan dan sokongan profesion dan ahli akademik seperti ini amatlah diperlukan bagi memperbaiki lagi aktiviti pencegahan jenayah.

45. Jelasnya di sini dapat dikatakan bahawa strategi yang akhir bagi rancangan pencegahan jenayah iaitu mendapatkan kerjasama dan penglibatan daripada persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan sukarela kelab dan orang perseorangan adalah penting dalam usaha untuk mencegah jenayah.

KEKESANAN

46. Adalah terlalu awal untuk membuat penilaian sejauh mana kekesanan strategi pencegahan jenayah yang telah dirancang sejak awal tahun 1987 lalu. Dari beberapa segi memang wujud perubahan sikap di kalangan semua pihak mengenai kepentingan pencegahan jenayah. Hakikat ini dapat dibuktikan dengan kesedaran pihak-pihak tertentu seperti jabatan ini dengan mengadakan seminar seperti ini.

Usaha-usaha seperti ini seharusnya diteruskan dan perbincangan mengenainya diadakan dari masa ke semasa. Sebenarnya banyak lagi ruang yang perlu diisi untuk menentukan kejayaan strategi pencegahan jenayah. Dengan adanya seminar seperti ini adalah di harap beberapa rumusan dapat dibuat untuk dijadikan garis panduan dalam usaha melaksanakan strategi pencegahan jenayah yang lebih berkesan.

PENUTUP

47. Dari pisa strategi-strategi yang dibincangkan di atas, jelas menunjukkan bahawa strategi pencegahan jenayah yang dirancang adalah merupakan tindakan yang komprehensif bertujuan untuk mengurangkan jenayah secara bersepada dan berterusan.

Strategi ini perlu di laksanakan oleh semua pihak termasuk polis, orang ramai, agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan sukarela, kelab dan orang perseorangan. Dengan adanya strategi ini di harap kadar jenayah akan menurun untuk membolehkan penyiasatan lain kes-kes jenayah diberi tumpuan yang lebih teliti.

48. Bagi saudara saya menyeru sama-sama lah kita mencegah jenayah.

Sekian.

Usaha-usaha seperti ini seharusnya diteruskan dan perbincangan mengenainya diadakan dari masa ke semasa. Setenarnya banyak lagi ruang yang perlu diisi untuk menentukan kejayaan strategi pencegahan jenayah. Dengan adanya seminar seperti ini adalah di harap beberapa rumusan dapat dibuat untuk dijadikan garis panduan dalam usaha melaksanakan strategi pencegahan jenayah yang lebih berkesan.

PENUTUP

47. Dari pada strategi-strategi yang dibincangkan di atas, jelas menunjukkan bahawa strategi pencegahan jenayah yang dirancang adalah merupakan tindakan yang komprehensif bertujuan untuk mengurangkan jenayah secara bersepdu dan berterusan. Strategi ini perlu di laksanakan oleh semua pihak termasuk polis, orang ramai, agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan sukarela, kelab dan orang perseorangan. Dengan adanya strategi ini di harap kadar jenayah akan menurun untuk membolehkan penyiasatan lain kes-kes jenayah diberi tumpuan yang lebih teliti.

48. Bagi saudara saya menyeru sama-sama lah kita mencegah jenayah.

Sekian.

CAWANGAN PENCEGAHAN JENAYAH (D10)
JABATAN SIASATAN JENAYAH
BUKIT AMAN

Ogos, 1988

PERAN KAAM DAN PERUBAHAN PERTIUSAN JENAYAH SELURUH MALAYSIA
1980 - 1986

1980 = 1981

JUMLAH UBAHAN 2 TIAP KES		JUMLAH UBAHAN 2 TIAP KES		JUMLAH UBAHAN 2 TIAP KES	
LAPORAN 2	JENIS SELESAI SELESAI LAPURAN 2	LAPURAN 2	JENIS SELESAI SELESAI LAPURAN 2	LAPURAN 2	JENIS SELESAI SELESAI LAPURAN 2
279	6.06	3.2294	138	49.4623	258
28	23.81	1.0426	16	20.5126	52
40	42.86	0.5346	18	45	51
342	2.39	4.5715	59	17.2514	354
449	9.24	6.0018	126	28.0623	456
3906	3.39	52.212	533	13.6456	4076
366	-5.15	4.9191	159	43.2065	360
2019	1.05	26.988	618	32.0750	1955
7481	3.04	100	1697	22.6841	7562
5250	-4.41	9.2833	1003	19.1047	4934
14418	2.08	32.762	2647	10.7559	15297
254	1.02	1.0000	45	10.7157	257
1382	4.3	2.1815	215	14.8335	1557
6646	3.42	10.492	502	8.30579	6773
7259	4.05	11.460	1395	19.2175	7050
28133	-3.95	44.414	7150	25.4170	27946
63342	-0.57	100	12997	20.5107	63356
70823	-0.2	100	14694	20.7474	70918
0.13	100	10393	14.6349	67733	-1.43
100	100	100	100	100	100
1961					
1962					


4963

1984

1985

1986

WILDLIFE	PERIOD	2	TRIP	KES	JUHLAH	UDAHAN	2	TRIP	KES	JUHLAH	UDAHAN	2	TRIP	KES	JUHLAH	UDAHAN	2	TRIP	KES	JUHLAH	UDAHAN	2	TRIP	KES		
LAPORAN					LAPORAN					LAPORAN				LAPORAN			LAPORAN			LAPORAN			LAPORAN			
303	3	3.8210	171	3.4556	293	-3.30	3.3628	166	5.6552	522	11.61	2.8431	136	91.5902	386	16.04	3.0050	117	30.3104	386	16.04	3.0050	117	30.3104		
51	7.32	0.6612	47	35.7323	63	23.53	0.7015	15	23.8095	59	-6.35	0.5130	15	25.4037	84	42.72	0.6535	28	35.3333	84	42.72	0.6535	28	35.3333		
50	4.32	0.6040	20	10	61	22.00	0.6192	11	18.0527	59	-9.84	0.4770	7	12.7222	56	1.02	0.1379	5	9.5282	56	1.02	0.1379	5	9.5282		
376	-2.06	4.5403	46	12.2340	450	22.34	5.1224	54	11.7391	632	37.34	5.0017	72	11.3841	626	-1.98	4.8774	52	8.7065	626	-1.98	4.8774	52	8.7065		
668	-10.01	0.1375	92	11.8023	60	13.22	2.4632	70	9.21052	950	26.00	0.3745	42	1.4005	1022	10.53	0.9501	57	8.1052	1022	10.53	0.9501	57	8.1052		
4242	17.01	51.5291	87	12.4233	470	13.13	5.2443	472	10.1223	6241	32.57	5.9135	605	9.6820	7361	17.89	57.50	518	7.0521	7361	17.89	57.50	518	7.0521		
460	6.61	5.6036	86	12.3913	479	2.12	5.2338	235	9.45.544	530	10.75	4.2145	253	47.7358	688	20.81	5.7551	285	9.42424	688	20.81	5.7551	285	9.42424		
2059	3.57	35.0001	91	11.8705	2163	5.95	24.008	628	38.0301	2684	21.14	12.37	679	32.7498	2622	2.31	20.412	684	33.1045	2622	2.31	20.412	684	33.1045		
3216	14.50	100	1025	38.2209	8400	9.39	100	1301	20.6450	1491	37.365	100	2009	17.4984	12845	11.08	100	19.86	14.4921	12845	11.08	100	19.86	14.4921		
1302	12	90	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100		
17358	9.02	24.4001	100	6.0311	4418	1.30	6.4927	45	9.7380	5092	13.71	6.6497	403	7.3929	5121	5	55	6.2820	540	8.6952	5121	5	55	6.2820	540	8.6952
242	-9.01	0.3693	100	6.6762	572	53.72	0.5394	154	14.0161	20413	10.76	26.257	1274	6.2656	2073	-6.20	24.50	1062	5.2122	2073	-6.20	24.50	1062	5.2122		
1624	7.63	2.7912	126	6.8891	2271	14.17	3.2952	156	6.95728	3140	38.27	4.0389	219	6.97452	3613	31.43	9.6323	389	6.5793	3613	31.43	9.6323	389	6.5793		
9600	24.29	16.6495	768	3.97916	11280	17.50	16.352	328	7.39042	13654	21.05	17.562	1133	8.29978	16056	17.59	19.506	1035	6.4686	16056	17.59	19.506	1035	6.4686		
5060	-12.53	7.2513	366	8.2270	5079	-0.57	7.3022	455	9.07956	4673	-7.26	6.0108	407	8.70960	5832	-10.00	4.6553	2039	6.01983	5832	-10.00	4.6553	2039	6.01983		
27035	7.15	11.242	4514	16.6960	27089	-0.20	39.282	4621	12.0585	30305	11.87	30.981	5115	16.8817	32511	7.28	39.496	1720	14.5181	32511	7.28	39.496	1720	14.5181		
65531	8.22	100	7253	11.0646	68959	5.20	100	2665	11.1153	27743	12.74	100	8614	11.0600	82314	5.83	100	2812	9.22693	82314	5.83	100	2812	9.22693		
23261	8.90	100	9283	12.7859	27939	5.52	100	9519	12.2153	89224	14.48	100	10623	11.9059	95159	6.65	100	9768	10.3649	95159	6.65	100	9768	10.3649		



TAMAT



UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY.

MICROFILM .

